

MEMPERKASAKAN GURU DAN NEGARA: PENGHARGAAN UNTUK GURU DARI TEACH FOR MALAYSIA

KUALA LUMPUR - Sempena Hari Guru yang akan datang, Teach For Malaysia (TFM) ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada guru-guru Malaysia atas sokongan berterusan dan peranan yang dimainkan dalam Teach For Malaysia selama lebih 10 tahun. Guru adalah arkitek masyarakat, dan adalah penting untuk memberi mereka sokongan yang diperlukan untuk memastikan kanak-kanak mendapat akses kepada pendidikan berkualiti.

Melalui Program TFM kami seperti Program TFM Sebagai Rakan Guru, Felo melibatkan diri dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) di dalam bilik darjah bersama dengan Guru Hos mereka. Melalui kerja kolaboratif ini, Felo mempelajari kemahiran kehidupan sebenar yang berharga dan guru diberi sokongan yang diperlukan untuk merealisasikan persekitaran pengajaran yang ideal. Bersama-sama, Felo dan guru boleh mencipta cara kreatif untuk menjadikan pendidikan sebagai pengalaman yang menarik dan menyeronokkan untuk murid mereka.

Shawn Stanly, Felo TFM tahun 2022 yang ditempatkan di Banun, Perak telah berkhidmat di sekolah majoriti Orang Asli bersama Cikgu Johari, seorang pendidik veteran yang mempunyai pendekatan holistik terhadap pendidikan kanak-kanak Orang Asli. Dengan kehadiran Shawn di dalam bilik darjah, mereka bekerjasama untuk menyampaikan pembelajaran berasaskan pengalaman yang terbaik agar sesuai dengan gaya pembelajaran murid Orang Asli.



“Walaupun beliau seorang yang berpengalaman mengajar selama 24 tahun, Cikgu Jo tidak pernah melihat saya sebagai pembantu di dalam kelas semata-mata tetapi lebih kepada rakan kongsi yang sentiasa terbuka menerima maklum balas dan idea saya semasa merancang Rancangan Pengajaran Harian (RPH) walaupun saya seorang guru baru. Beliau juga telah membimbing saya dari segi pengajaran kurikulum dan telah memberi ruang kepada saya untuk mempraktikkan kaedah pengajaran saya di dalam kelas.” kata Shawn.

“Saya mengagumi Cikgu Jo yang menjadi figura bapa kepada saya di sekolah. Dari awal, beliau sentiasa menjaga kebajikan saya di mana-mana pun saya berada. Beliau juga telah menunjukkan sikap prihatin dalam membantu kanak-kanak di SK RPS Banun dan ini boleh diterjemahkan melalui tindakan dan inisiatif beliau sepanjang dua tahun berada di sini.”

“Cikgu Jo, saya harap Cikgu akan terus memberi inspirasi kepada lebih ramai lagi guru muda di luar sana untuk bukan sahaja menyandang gelaran 'guru' sebagai satu pekerjaan semata-mata tetapi lebih sebagai satu panggilan untuk tujuan yang lebih besar. Terima kasih Cikgu untuk segala jasa Cikgu sepanjang kami di Banun dan selamat berkhidmat di tempat yang baharu.”



"Guru adalah tunjang kepada perkembangan kanak-kanak," kata Chan Soon Seng, Ketua Pegawai Eksekutif Teach For Malaysia.

"Di Teach For Malaysia, kami percaya dalam memupuk persekitaran kolaboratif. Felo TFM kami, di samping Guru Hos mereka, terlibat dalam proses pembelajaran yang berterusan, memperkaya kemahiran masing-masing untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang memupuk dan merangsang murid. Sempena Hari Guru tahun ini, kami menyasarkan untuk menekankan keperluan sokongan yang lebih besar untuk guru dalam bilik darjah. Kami ingin mengingatkan khalayak umum bahawa guru bukan sahaja pendidik, mereka juga adalah figura yang akan membentuk masa depan anak-anak kita. Kami di Teach For Malaysia komited untuk memastikan semua kanak-kanak Malaysia mempunyai peluang pendidikan yang saksama dan tiada anak-anak Malaysia yang akan dikesualikan dari peluang ini."

Program TFM juga terus berkembang dengan pengenalan Program TFM untuk Graduan Orang Asal. Program ini diterajui oleh belia Orang Asal direka untuk membantu graduan Orang Asal memahami ketidaksamaan pendidikan di peringkat akar umbi, menawarkan peluang kepada Felo Orang Asal untuk memimpin aktiviti pendidikan dengan komuniti belia, dan pada masa yang sama untuk berhubung dengan warisan mereka pada tahap yang lebih mendalam. Teach For Malaysia berharap dapat mewujudkan kepimpinan kolektif dalam ekosistem pendidikan dengan guru sebagai kolaborator utama. Daripada Felo yang membantu guru di bilik darjah, Alumni



mencipta inisiatif impak sosial yang menangani keperluan khusus pendidikan, dan murid diberi kuasa untuk memimpin rakan sebaya mereka untuk mengawal pembelajaran dan masa depan mereka.

Teach For Malaysia sedang giat merekrut untuk Kumpulan Program TFM bagi tahun 2025. Selaras dengan komitmen kami untuk menangani ketidaksamaan pendidikan di Malaysia, program ini bertujuan untuk menempatkan Felo di sekolah berkeperluan tinggi di seluruh negara. Pengambilan untuk Program TFM akan berlangsung dari Mac hingga September 2024. Lawati halaman Fellowship kami di [sini](#).

Sertai kami dalam mencipta pemimpin bilik darjah yang akan membentuk pemimpin hari esok. Bersama-sama, mari kita memperkasakan murid untuk memilih masa depan yang mereka impikan.

Nota buat penyunting

Teach For Malaysia (TFM) merupakan sebuah organisasi bebas yang bukan berasaskan keuntungan. TFM mempunyai misi agar setiap anak Malaysia akan berpeluang mencapai potensi diri melalui pendidikan berkualiti. TFM bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mencapai sekolah-sekolah awam berkeperluan tinggi. TFM merupakan sebahagian daripada 60 rakan rangkaian pendidikan global berprestij, Teach For All.

Sejak 2012, Teach For Malaysia telah membina sebuah gerakan transformasi dalam sistem pendidikan dengan menempatkan graduan dan belia professional yang berpotensi tinggi sebagai guru sepenuh masa di sekolah-sekolah berkeperluan tinggi di Malaysia untuk membanteras ketidaksamaan pendidikan melalui program andalan kami, Felo TFM. Pada tahun 2020, TFM telah meluaskan usaha kami untuk turut melatih dan membimbing guru-guru STEM yang sedang berkhidmat di sekolah melalui Program Duta Guru (PDG) yang berjalan selama dua tahun.

Teach For Malaysia adalah penerima Anugerah Merdeka (Merdeka Awards) 2022 dalam kategori Pendidikan dan Komuniti. Anugerah Merdeka merupakan sebuah anugerah prestasi ulung Malaysia yang diasaskan oleh PETRONAS, ExxonMobil, dan Shell pada tahun 2007.

Sejak pelancaran kami pada tahun 2012, gerakan kami kini terdiri daripada 1481 orang Felo, peserta PDG dan Alumni dan telah membawa impak kepada seramai 366,395 orang murid di 946 buah sekolah di seluruh Malaysia.

Ketahui dengan lebih lanjut tentang impak kami: Rujuk [Laporan Impak Teach For Malaysia 2022](#)

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Ramesh Radhakrishnan

Pegawai Unit Pemasaran

Teach For Malaysia

Tel: +6014-9064865

Email: ramesh.radhakrishnan@teachformalaysia.org



Laman web: www.teachformalaysia.org

Twitter: <https://twitter.com/teachformsia>

Facebook: <https://www.facebook.com/teachformalaysia>

Instagram: <https://www.instagram.com/teachformsia/>

- Dokumen tamat -